

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

SYARAT DAN PERATURAN PERADUAN JOMPAY AND WIN! SIRI 1 TAHUN 2019

Penganjur Dan Penyertaan

1. Peraduan JomPAY and Win! ["Peraduan JomPAY"] Siri 1 Tahun 2019 ini dianjurkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan kerjasama Ambank (M) Bhd dan Payments Network Malaysia (PayNet).
2. Peraduan JomPAY and Win! diadakan untuk menggalakkan peminjam PTPTN, pendeposit SSPN-i dan SSPN-i Plus serta pelanggan JomPAY ["pelanggan"] menggunakan saluran JomPAY untuk bayaran balik pinjaman PTPTN dan penambahan deposit SSPN-i dan SSPN-i Plus.
3. Peraduan JomPAY and Win! Siri 1 Tahun 2019 ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang membuat bayaran balik pinjaman dan/ atau penambahan deposit SSPN-i dan SSPN-i Plus menggunakan saluran JomPAY *Online* dalam tempoh promosi.
4. Peraduan JomPAY and Win! Siri 1 Tahun 2019 ini akan berlangsung untuk tempoh 2 bulan iaitu mulai **1 April 2019 sehingga 31 Mei 2019 (tempoh promosi)**. Pihak Penganjur layak membuat sebarang pindaan tarikh tanpa sebarang notis makluman.

Kaedah Pemilihan

5. Syarat layak penyertaan dan kaedah pemilihan pemenang bagi Peraduan JomPAY and Win! Siri 1 Tahun 2019 adalah seperti berikut:-
 - 5.1. Setiap transaksi bagi bayaran balik dan/ atau penambahan deposit SSPN-i dan SSPN-i Plus bernilai RM50 layak 1 peluang untuk menyertai peraduan ini.

Formula kiraan peluang adalah seperti berikut:

= Jumlah bayaran balik dan/ atau penambahan deposit/ RM50

Contoh:

Transaksi yang dibuat : RM1,000

Jumlah peluang : $RM1,000 / RM50 = 20$ peluang

5.2. Transaksi yang tertinggi (RM) dalam tempoh promosi (01 April 2019 sehingga 31 Mei 2019) bagi bayaran balik dan/ atau penambahan deposit SSPN-i dan SSPN-i Plus layak untuk mendapat hadiah daripada pihak penganjur.

6. Proses pengeluaran data untuk penentuan pemenang akan diselia oleh pihak PTPTN dengan semakan bersama wakil pihak Ambank (M) Bhd.

Hadiah Dan Tuntutan

7. Hadiah yang ditawarkan oleh Peraduan JomPAY and Win! Siri 1 Tahun 2019 adalah seperti berikut:

Bulan	Transaksi	Bilangan	Hadiah
April	Bayaran Balik	1	Apple Watch Series 3
	SSPN-i dan SSPN-i Plus	1	Apple Watch Series 3
Mei	Bayaran Balik	1	Apple Watch Series 3
	SSPN-i dan SSPN-i Plus	1	Apple Watch Series 3

8. Hadiah yang ditawarkan bagi **transaksi tertinggi** (RM) dalam tempoh promosi adalah seperti berikut:

Bulan	Transaksi	Bilangan	Hadiah
April &	Bayaran Balik	1	Apple Watch Series 4
Mei	SSPN-i dan SSPN-i Plus	1	Apple Watch Series 4

9. Penganjur berhak menukar hadiah dengan nilai yang setara tanpa memaklukkannya kepada pelanggan;
10. Semua hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan dengan wang tunai;
11. Pemenang hadiah akan dimaklumkan melalui surat/ telefon/ laman web www.ptptn.gov.my;
12. Segala perbelanjaan dan kos yang terlibat ketika menyertai peraduan ini atau ketika menuntut hadiah adalah atas tanggungan peserta/ pemenang; dan
13. Semua hadiah mestilah dituntut dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam surat/ notis makluman. Sebarang penebusan yang dibuat selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan. Sekiranya penganjur atas apa jua sebab tidak dapat menghubungi pemenang, kemenangan dan hadiah yang ditawarkan adalah terbatal secara automatik.

Terma Dan Syarat

14. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pelanggan tidak layak dan tidak mengikut syarat yang telah ditetapkan;
15. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, rayuan atau bantahan tidak akan dilayan;
16. Penganjur berhak untuk menggunakan, menerbit dan/ atau mempamerkan nama, alamat, maklumat dan/ atau gambar pemenang untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/ atau perdagangan tanpa memberi sebarang imbuhan mahupun pemberitahuan kepada pemenang;
17. Penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut. Pemenang bersetuju

- melepaskan dan memutuskan bahawa penganjur bebas dan tidak terikat terhadap sebarang liabiliti;
18. Kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak) tidak layak menyertai Peraduan ini;
 19. Dengan menyertai peraduan ini, para peserta bersetuju mematuhi Syarat Dan Peraturan Peraduan JomPAY and Win! Siri 1 Tahun 2019 dan keputusan pihak penganjur;
 20. Penganjur juga berhak mengubah, membatalkan atau menambah syarat dan terma peraduan ini tanpa memberi sebarang notis; dan
 21. Sekiranya berlaku kematian peminjam / pendeposit dalam tempoh promosi, akaun itu masih layak untuk menyertai cabutan.